

24/07/1998

Bank Negara tubuh rumah penjelasan

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Bank Negara Malaysia (BNM) akan menubuhkan rumah penjelasan bagi membolehkan perdagangan antara negara menggunakan mata wang masing-masing atau satu mata wang yang dipersetujui.

Mengumumkan perkara itu hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata BNM akan mengadakan taklimat khas mengenai fungsi rumah penjelasan itu kepada semua pengeksport dan pengimport tempatan.

Rumah penjelasan ialah agensi pengantara pengeksport dan pengimport tempatan serta negara rakan dagang, yang antara lain akan mencatatkan urusan niaga import dan eksport negara.

"BNM sudah menggariskan formatnya dan kini dalam proses untuk membentuknya. Rumah penjelasan akan merekodkan semua maklumat import dan eksport. Dengan itu, pengimport akan membayar kepada pengeksport (dalam mata wang sendiri), begitu juga sebaliknya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi dialog dengan syarikat pengeksport Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini. Turut hadir pada dialog tertutup itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir berkata, dialog itu bertujuan menjelaskan strategi dagangan Malaysia dengan negara lain, iaitu usaha meningkatkan dagangan tanpa bergantung kepada kedudukan kewangan atau nilai mata wang.

"Kita akan menggunakan mata wang kita atau rakan dagang kita. Kita juga akan menggunakan timbal balas perdagangan (counter trade) iaitu kita kira jumlah keseluruhan dagangan... kita cuma membayar perbezaan antara import dan eskport," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata kegunaan mata wang sendiri tidak akan menjejaskan sektor komoditi yang selama ini dinilai dalam mata wang asing seperti kelapa sawit.

"Nilainya (kelapa sawit) masih dalam dolar Amerika, kita cuma mengira nilai mata wang itu saja... bayarannya saja, nilainya masih sama," katanya.

Rafidah ketika diminta mengulas lanjut berkata, ketika ini dua negara - Thailand dan Filipina - sudah menandatangani perjanjian dua hala dengan Malaysia membabitkan perdagangan menggunakan mata wang masing-masing.

Menurutnya, kerjasama itu dijangka dapat diperluaskan kepada negara Asean lain tidak lama lagi, iaitu satu daripada usaha Asean untuk mengatasi kegawatan ekonomi dan pergantungan kepada mata wang asing.

Beliau berkata, jika Malaysia memilih BNM, negara rakan dagang akan menggunakan agensinya sendiri sebagai rumah penjelasan masing-masing.

"Tugas agensi penjelasan ini untuk menyelesaikan bayaran import eksport, iaitu bayaran perbezaan dalam mata wang sendiri atau mata wang tertentu. Sebagai permulaan kita akan berurusan mengikut cara ini dengan Filipina dan Thailand.

"Bank pusat akan menjadi ejen untuk menjelaskan apa juga bayaran kepada negara pedagang ataupun menerima bayaran daripada mereka. Bayaran ini adalah perbezaan antara apa yang kita jual dan apa yang kita beli," katanya.

Rafidah berkata, apa yang perlu dilakukan oleh pengeksport atau pengimport ialah berurusan dengan bank masing-masing. Bank itu pula akan berurusan dengan bank pusat di mana semua dokumen dan maklumat jual beli akan dikumpulkan.

Apabila tiba masanya, bank pusat akan menghitung apa yang patut dibayar kepada negara pedagang.

"Kalau kita mengeksport lebih daripada mengimport dari negara terbabit, maknanya kita menerima perbezaan jumlah dan penerimaan ini dibuat oleh bank pusat dengan rumah penjelasan negara terbabit, begitu juga sebaliknya," katanya.

Menurut Rafidah, melalui cara itu, kedua-dua negara tidak perlu menggunakan wang yang banyak, cuma membayar baki lebihan dagangan.

"Ini boleh mengelak penggunaan mata wang asing seperti dolar Amerika. Tetapi ada negara seperti Filipina yang mahu lebihannya dibayar dalam dolar Amerika. Ia bergantung kepada perjanjian dengan negara pedagang," katanya.

Menjawab soalan, Rafidah berkata, sektor swasta tidak terbabit secara langsung dalam soal pembayaran, kerana ia adalah urusan antara negara.

(END)